

**Teks Ucapan Majlis Pelancaran Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni  
Tonggak Budaya**

By : YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD  
YASSIN

Date : 12/04/2021

---

**TEKS UCAPAN  
YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD  
YASSIN, PERDANA MENTERI  
SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN PAMERAN JAWI JIWA BANGSA, SENI  
TONGGAK BUDAYA  
DAN BUKU BUDI ASAS TAMADUN  
TARIKH : 12 APRIL 2021 (ISNIN)  
MASA : 5.00 PETANG  
TEMPAT : MATIC, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim  
Yang Di-Pertua Dewan Negara

YB Datuk Azhar Azizan Harun  
Yang Di-Pertua Dewan Rakyat

YB Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad  
Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara

YB Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon  
Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat  
Ahli-ahli Yang Berhormat

Tan Sri, Puan Sri, Dato'- Dato', Dif-dif jemputan  
Para petugas media dan hadirin yang dihormati sekalian.

Apa khabar semua? Saya doakan saudara dan saudari sekalian berada dalam keadaan sihat wal afiat.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersua dalam majlis Pelancaran Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya dan Buku Budi Asas Tamadun pada petang ini.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada penganjur khususnya Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang Di-

Pertua Dewan Negara kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis pelancaran ini.

3. Tarikh hari ini istimewa kerana ia jatuh sehari sebelum umat Islam menyambut Ramadan, iaitu bulan yang istimewa mulianya lantaran dalam bulan inilah Al-Quran diturunkan Allah SWT.

4. Sambil mendoakan dan menggalakkan usaha murni ini agar meraih sepenuh kejayaan, sukalah saya menyatakan bahawa masyarakat Melayu khasnya dan umat Islam amnya mempunyai akar-umbi tamadun mereka yang panjang melalui peranan tulisan Jawi. Semua penulisan hikayat, syair, peribahasa, perumpamaan, bidalan dan kata-kata adat semuanya beroleh asal-usulnya dalam tulisan jawi.

5. Kisah Sembilan Wali Songo Abad ke-14 dari Jawa, kisah kebesaran Kesultanan Melaka dan Sejarah Melayu karangan Tun Sri Lanang adalah hasil aksara Jawi; Undang-undang Melaka dan Undang-undang 20 Minangkabau; kisah Aceh melalui kesultanan Sultan Aly Mughayat Shah, sejarah Brunei Darrussalam, Batu Bersurat Terengganu – antara lain adalah hasil aksara Jawi tulisan tangan.

6. Begitu juga pengkisahan semua aspek perhubungan rasmi Inggeris dengan Kesultanan Melayu semenjak 1778 hingga tahun-tahun sebelum Merdeka 1957, semuanya dalam aksara Jawi. Bahkan detik bersejarah Pemasyuran Kemerdekaan 1957 juga ditulis sepenuhnya dalam tulisan jawi.

7. Tulisan jawi sudah menjadi sehati atau integral dalam pendidikan, sosio-budaya dan cara hidup masyarakat Melayu semenjak Islam bertapak di wilayah Nusantara ini lagi. Malah memang boleh diperakukan bahawa pendidikan al-Qalam masyarakat Nusantara itu sendiri bermula dengan aksara jawi yang merupakan adaptasi daripada huruf-huruf Hijaiyah Al-Quran itu sendiri dengan tambahan beberapa huruf cipta-padanan seperti Ga, Cha dan Nya untuk disesuaikan dengan sebutan lidah orang Melayu.

8. Selain begitu dekat kaitannya dengan Al-Quran, Hadith dan kitab ilmunan, tulisan jawi juga menzahirkan rentetan tamadun tinggi sebuah bangsa yang mengandungi nilai estatika serta nilai kemanusiaannya.

9. Melihat kepada fungsi dan peranan tulisan jawi yang sangat penting dalam sejarah Negara, dan sebagai kerajaan yang peka dengan asal-usul kita, warisan bangsa dan agama – maka sampai sudah masanya bagi kita ‘mengapungkan semula teras terendam’; menghidupkan semula warisan bangsa yang penuh daya tarikan, aspek estetika, seni dan mesej penggembelangan nilai ini.

10. Seperti yang dimaklum, Kementerian Pendidikan telah mula menggalakkan pembelajaran jawi elektif bagi pelajar-pelajar yang berkelayakan tanpa paksa. Saya berpandangan bahawa setiap bangsa harus tidak mengabaikan elemen atau unsur-unsur warisan bangsanya.

11. Di samping itu, dalam konteks masyarakat majmuk mereka yang punya minat dan keinginan untuk melibatkan diri dengan aspek seninya, budaya dan warisannya amat wajar dan adil jika kerajaan memberi galakan setimpal.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

12. Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya anjuran Yayasan Budi ini merupakan suatu langkah yang tepat dan perlu diperluaskan ke seluruh negara, kerana jawi ini adalah sebahagian daripada identiti negara yang bukan sahaja perlu dipertahankan, tetapi diperkasakan kembali sebagai pemangkin kepada perpaduan melalui seni dan warisan.

13. Ini bertepatan dengan Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan yang mentakrifkan Melayu itu hendaklah beragama Islam, bertutur secara lazim dalam bahasa Melayu, dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Istilah adat istiadat di situ adalah budaya Melayu. Usaha panganjur pada hari ini merupakan langkah mulia dalam memperjuangkan hak-hak asasi budaya dan warisan Melayu sebagai jati diri dan warisan nasional.

14. Saya yakin apabila pameran ini dan usaha-usaha promosi lainnya digembeling kemudian di kawasan-kawasan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, potensi untuk memupuk skrip jawi ke tahap dan penerimaan semula masyarakat amat diyakini sifat positifnya.

15. Saya berharap agar institusi-institusi utama seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan Bukan Kerajaan atau NGO akan bersama mempromosi aspek budaya dan warisan melalui aksara jawi kerana tentunya sebagai sebuah negara bangsa, kita tidak mahu kehilangan identiti. Dalam hal ini, semangat, roh serta perkembangan tulisan jawi ini mesti sentiasa dihidupkan.

16. Saya juga menyeru kepada syarikat-syarikat korporat terutamanya syarikat milik kerajaan (GLC), agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta kerajaan negeri agar memperbanyakkan penggunaan tulisan jawi sama ada dalam segmen papan tanda, acara festival dan sebagainya.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

17. Bersekali dengan Pelancaran Jawi Jiwa Bangsa ini, turut diangkat untuk dilancar bersama ialah Buku Budi Asas Tamadun, hasil karya YB Senator

Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bersama 13 penulis sahabat beliau, yang mencetus pemikiran semua pihak menerusi pandangan dan teguran tajam, kritis serta membina dalam menzahirkan kebimbangan dan teguran terhadap hilangnya budi dalam kehidupan masyarakat kita pada hari ini.

18. Karya ini amat sesuai untuk digarap dan digilap sebagai pembedang pemikiran kerana dalam usaha kita menuju negara maju, budi yang seharusnya menjadi sebahagian inti jati diri serta batu asas kepada ketamadunan Malaysia tidak boleh dibiarkan hanyut lantaran pengaruh budaya luar atau gersangnya masyarakat kita dari asuhan sebenar aspek budaya tinggi ini.

19. Saya bernasib baik kerana Tan Sri Dr Rais telah menyampaikan kepada saya senaskhah buku ini beberapa minggu lalu. Apa yang disajikan dalam karya ini saya dapati amat penting disedari dan bersama pula memupuk kembali amalan nenek moyang kita zaman berzaman.

20. Kita semua memiliki beberapa lunas tanggungjawab untuk bersama-sama membina masyarakat sopan-santun, anak-anak bersahsiah membina masyarakat. Kita juga sedar, seperti yang diutarakan dalam buku ini, budi adalah perisai kemuliaan hidup dan jika ia dijadikan sendi atau amalan masyarakat, saya penuh yakin dan percaya Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara yang punyai tamadun hebat dan akan dihormati oleh semua pihak.

21. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan 13 penulis sahabat beliau atas penghasilan karya ini. Saya yakin, karya ini akan meningkatkan martabat khazanah ilmu di negara kita dan membantu usaha kerajaan membentuk generasi yang tinggi budi pekertinya seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menjadi aspirasi nasional kita pada hari ini.

22. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada seluruh umat Islam. Saya berdoa agar kita semua akan beroleh ganjaran serta keredhaan Allah Subhana Wa Taala di bulan mulia ini.

23. Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pameran Jawi Jiwa Bangsa dan Buku Budi Asas Tamadun.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2021/04/teks-ucapan-majlis-pelancaran-pameran-jawi-jiwa-bangsa-seni-tonggak-budaya/>